Konflik antarabangsa selesai jika semua negara beri sokongan

PBB mesti tegas, adil: PM

BH MS 1 2/06/04

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi percaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) boleh memainkan peranan lebih berkesan dan adil dalam membantu menyelesaikan konflik antarabangsa jika negara yang bertanggungjawab menyokong penuh usaha badan dunia itu.

Perdana Menteri berkata, hanya PBB mempunyai kuasa yang sah bagi menentukan kewujudan serangan ancaman terhadap keamanan, pencabulan terhadap kedamaian atau tindakan keganasan.

Jawatan dalam Kabinet kuasa mutlak PM – Muka 2

"Tiada negara, bagaimana kuat sekalipun boleh memainkan peranan unik yang hanya boleh dilakukan oleh PBB. Saya berani mengatakan bahawa jika negara yang bertanggungjawab menyokong penuh PBB, ia boleh memainkan peranan lebih berkesan dan adil dalam membantu menyelesaikan konflik Palestin-Israel juga.

"Kaedah utama yang dunia gunakan setakat ini kesemuanya gagal. Mereka akan terus gagal kecuali kita bertindak tegas dan tidak berat sebelah melalui PBB," katanya menyampaikan ucaptama pada Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik di sini semalam.

Persidangan tiga hari bermula kelmarin itu dianjurkan oleh Asean dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

Abdullah menegaskan, sebagaimana langkah yang diambil ke arah menyelesaikan krisis di Iraq, dunia harus cukup berani untuk memulakan hala tuju baru dalam perjuangan mereka menentang keganasan dan usaha menyelesaikan konflik Palestin-Israel.

"Jika itu dapat dilakukan dengan jayanya, maka keamanan dan kestabilan akan dapat diwujudkan di Asia Barat serta akan menjauhkan dunia daripada kesengsaraan keganasan antarabangsa.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA